SIRI 1

جابتن مفتي نيكري كلنتن

JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

FATWA-FATWA YANG DIWARTAKAN

جابتن مفتي نيكري كلنتن

JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG,
15200 KOTA BHARU, KELANTAN.

TEL : 09 - 748 2023

FAX : 09 - 747 8170

EMAIL : jabmufti@kelantan.gov.my

جابتن مفتي نيكري كلنتن

JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

FATWA-FATWA YANG DIWARTAKAN

Dikeluarkan Oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN
Kompleks Islam Darul Naim, Lundang,
15200, Kota Bharu, Kelantan.
No. Telefon : 09-748 2023
No. Faks : 09-747 8170
E-mel : jabmufti@kelantan.gov.my

Cetakan Pertama :……. 2014
Cetakan Kedua :……. 2018
Semakan Semula :……. 2023
Cetakan Ketiga :……..2024

Dicetak Oleh :

Penerbitan & Percetakan JM
Lot 2385, Jalan Hospital, 15200 Kota Bharu, Kelantan.
No. Telefon : 09-7436036 No. Faks : 09-7435036
E-mel : pdpjm@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

Bil	Tajuk	Kategori	Tarikh Keputusan	Tahun Warta	Muka Surat
1.	Fatwa Mengenai Hukum-Hukum (Sembahyang, Bab Wuduk, Kenduri Dan Menunggu Kubur)	Ibadah	30 Ogos 1958	05 Feb 1959	1
2.	Puja Pantai "Di Pantai Cinta Berahi"	Sosial Syariah	29 Okt 1960	24 Nov 1960	4
3.	Fatwa Mengenai Orang Islam Yang Berikat Dengan Orang Kafir Serta Berunding Pada Memerintah Negara	Sosial Syariah	14 Sept 1963	14 Sept 1963	6
4.	Ajaran Salah "Kitab Kashful Asrar" Cetakan Yang Kedua Puluh	Akidah	02 Dis 1971	28 Sep 1972	8
5.	Fatwa Mengenai Ajaran Salah (Haji Ahmad Laksamana, Hasan Bin Yaakub, Muhamad Nor Bin Seman)	Akidah	28 Jan 1986	03 Julai 1986	9
6.	Fatwa Mengenai Bahan Penerbitan Yang Dilarang	Akidah	28 Jan 1986	03 Julai 1986	11
7.	Penerbitan Yang Ditegah Kerana Bertentangan Dengan Hukum Syarak	Akidah	01 Julai 1986	31 Julai 1986	14
8.	Fatwa Tentang Ajaran Awang Teh Bin Kamal (Pak Teh Selamat)	Akidah	01 Feb 1996	06 Jun 1996	15
9.	Fatwa Tentang Kumpulan Anti Hadis	Akidah	01 Feb 1996	06 Jun 1996	17
10.	Fatwa Mengenai Ajaran Syiah	Akidah	26 Ogos 1996	02 Jan 1997	21
11.	Fatwa Mengenai Zakat Penggajian	Ibadat	16 Mac 1999	22 Julai 1999	26

12.	Fatwa Mengenai Sembahyang Jumaat Di Dalam Penjara Atau Pusat Tahanan	Ibadat	23 Sept 2001	28 Mac 2002	28
13.	Fatwa Mengenai Masalah Perpecahan Orang Melayu Islam	Sosial Syariah	23 Sept 2001	28 Mac 2002	29
14.	Penyelarasan Zon Waktu Sembahyang Bagi Negeri Kelantan	Ibadat	18 Ogos 2002	25 Feb 2003	31
15.	Fatwa mengenai pengharaman ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holding SDN. BHD)	Akidah	4 Julai 2004	4 Julai 2004	33
16.	Fatwa Mengenai Pewakafan Tanah Melalui P.A (Surat Wakil Kuasa)	Sosial Syariah	15 Jan 2006)	20 Julai 2006	34
17.	Fatwa mengenai Ajaran Kumpulan Abdullah Bin Mohammad Syarif, Tal Tujuh Pasir Mas	Akidah	21 Dis 2006	05 Julai 2007	36
18.	Fatwa Pengharaman Ajaran, Pegangan Dan Fahaman Yang Dibawa Dan Dipegang Oleh Ahli Jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd (SRC) Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya	Akidah	21 Dis 2006	05 Julai 2007	39

Sepatah Kata

Yang Berhormat Sahibus Samahah Dato' Kaya Perba Mufti Kerajaan Negeri Kelantan

Saya menyatakan sanjungan, pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang sentiasa mengurniakan nikmatNya, kalau dihitung nikmat tersebut, sesungguhnya tidak terkira jumlahnya bila nikmat disyukuri maka Allah SWT akan tambah lagi. Sebaliknya bila dikufuri, diingkari, maka azab Allah SWT tersangat pedih. Dari sekian banyak nikmat Allah SWT, maka nikmat iman dan Islam adalah nikmat yang sangat bernilai dan berharga, hingga terasa hidup ini begitu indah, bila berada dalam pelukan dan dakapan hidayah Allah SWT.

Usaha untuk menerbitkan buku yang memuatkan koleksi fatwa yang diwartakan di negeri Kelantan akhirnya menjadi kenyataan. Buku ini diharapkan dapat membantu masyarakat Islam di negeri ini dalam mendapat jawapan kepada sebahagian persoalan atau isu yang memerlukan pandangan fatwa.

Fatwa tetap fatwa, walau pun tidak diwartakan. Namun bagi maksud pemakaian dan penggunaan di mahkamah, maka fatwa yang telah diwartakan mempunyai kekuatan undang-undang. Sukacita dinyatakan bahawa fatwa-fatwa yang diputuskan adalah keputusan dibuat melalui jamaie secara kolektif yang dicapai hasil kajian, penyelidikan yang teliti, cermat dan berhati-hati penuh amanah dan bertanggungjawab.

Semoga usaha kecil dalam menghasilkan himpunan fatwa yang diwartakan ini, diterima Allah SWT dan diklasifikasikan sebagai amal soleh. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang sama-sama berusaha dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Salam hormat.

(DATO' HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD)
Mufti Kerajaan Negeri Kelantan



جابتن مفتي نيكري كلنتن

JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

HIMPUNAN FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN DI NEGERI KELANTAN

FATWA 1

Tarikh Keputusan	**:**	**30hb Ogos 1958**
Tarikh Diwartakan	**:**	**05hb Februari 1959**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**(K . 996 / 56 / 40. A)**
	:	**Vol. X11.No. 27**
Kategori	**:**	**Ibadah**

Soalan: **Fatwa Mengenai Hukum-Hukum (Sembahyang, Bab Wuduk, Kenduri Dan Menunggu Kubur)**

Undang-Undang Majlis Ugama Dan Istiadat Melayu Dan Mahkamah- Mahkamah Kadhi No 1 Tahun 1953. Persiaran fatwa masalah syariah Oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu.

Bahawa mengikut bab 43(3) daripada Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Undang-undang no 1 tahun 1953, Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan menetapkan supaya disiar fatwa-fatwa sebagaimana di bawah ini:

Soalan 1: Apakah hukum sembahyang di atas kapal terbang adakah sah atau tidak?

Jawapan: Sah apabila cukup syarat-syaratnya Nasnya bagaimana difaham daripada hadith al-Bukhari riwayat Imran Bin Husain r.hu:

قال كانت بي بواسير فسألت النبي صلى الله عليه وسلم عن الصلاة فقال صل قائما فإن لم تستطع فقاعدا فإن لم تستطع فعلى جنب " زاد النسائي فإن لم تستطع فمستلقيا انتهى – ومقتضى هذه العبارة إذا استطاع أن يصلي مستلقيا على ركبتيه وإن كان على الطيارة يجوز أن يصلي متوجهي إلى الكعبة كما صرح بعض الفقهاء ونقله الحلبي عن الاسنو وأيضا في شرح البهجة فى الجزء الأول صفحة 287 وهو قول ناشري قال ولو أمكنه أن يصلي إلى القبلة قائما وجب أن يصلي إلى القبلة مع القعود. الخ :

Soalan 2: Seorang sedang berada di dalam air sembahyang (متوضئ) kemudian bersentuh dengan kulit jari perempuan yang halal nikah dengannya yang telah terpotong dari anggotanya dengan tidak berlapik adakah batal air sembahyang si lelaki itu atau tidak?

Jawapan: Tidak batal bagaimana Nasnya di dalam Asna Mathalib (اسنى المطلب) dan Iqna' (اقناع) dan Sabili al-Muhtadi (سبيل المهتدي).

Soalan 3: Apakah hukum membuat jamuan kerana seorang mati dengan tidak diniatkan kenduri bahkan menjadi satu adat di atas satu-satu kampung?

Jawapan: Boleh kerana diharapkan dapat pahala padanya.

Soalan 4: Di suatu kampung ada setengah daripada golongan mereka yang berharta apabila mati ia, warisnya biasa mengupah pak

lebai menunggu kuburnya hingga kepada 40 hari dan 40 malam perbuatan semacam ini adakah di suruh oleh agama atau tidak dan adakah perintah sahabat-sahabat Nabi pada masa dahulu berbuat demikian?

Jawapan: Tunggu kubur itu suatu perkara yang dihitungkan perbuatan yang diperkenankan oleh Salafu al-Soleh jika sempurna segala adab-adab dan syaratnya.

FATWA 2

Tarikh keputusan	**:**	**29hb Oktober 1960**
Tarikh Diwartakan	**:**	**24hb November 1960**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**(M.U.I Bil. 60/291).**
	:	**Vol. X111. No. 239**
Kategori	**:**	**Sosial Syariah**

Soalan: **Fatwa Mengenai Puja Pantai "Di Pantai Cinta Berahi"**

Rang Persiaran "Fatwa Jawatankuasa Ulama'" Dalam Warta Kerajaan Undang-Undang Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi No 1 Tahun 1953 (Persiaran dibawah bab 42 (4) daripada undang-undang nombor 1/53).

Bahawa mengikut bab 43(3) daripada Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi Nombor 1 tahun 1953, Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan menetapkan supaya di siarkan Fatwa bagaimana di bawah ini:

Soalan: Apakah hukumnya terhadap puja pantai **"Di Pantai Cinta Berahi"** bagaimana cara-cara dan istiadat-istiadat memuja itu ada terkandung di dalam Majalah Mestika keluaran bulan Jun, 1960 di muka 16-19?

Jawapan: Istiadat puja pantai seperti yang dilakukan bagaimana yang diceritakan di dalam Majalah Mestika keluaran bulan Jun 1960, itu hukumnya adalah haram dan perbuatan meminta perlindungan daripada hantu-hantu, puaka-puaka, jin atau sebagainya itu adalah perbuatan sesat yang mana dengan perbuatan yang seperti itu jin-jin, puaka dan hantu syaitan itu menjadikan mereka bertambah-tambah sesat lagi, seperti Firman Tuhan di dalam Al-Quran ayat 6 surah Al-Jin, yang

bererti “Sesunggunya ada lelaki daripada bangsa Manusia, mereka meminta perlindungan dari lelaki bangsa Jin, maka dengan sebab perbuatan yang seperti itulah jin-jin itu menjadikan bertambah-tambah sesat”.

FATWA 3

Tarikh Keputusan	**:**	**14hb September 1963**
Tarikh Diwartakan	**:**	**19hb Disember 1963**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
Nombor Rujukan	**:**	**(LAK. 1/Pt 11: M.U.574/63)**
	:	**Vol. XX1. No. 299**

Kategori : Sosial Syariah

Soalan: Fatwa Mengenai Orang Islam Yang Berikat Dengan Orang Kafir Serta Berunding Dan Bermuafakat Pada Memerintah Sesebuah Negara

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Bismillahirrahmanirrahim

Adalah Jawatankuasa Ulama' Majlis, telah diminta oleh Majlis Agama Islam Kelantan supaya memberi "Fatwa" dari segi Ugama Islam dalam masalah : Apakah hukumnya orang-orang Islam yang berikat dengan orang-orang kafir serta berunding, bermesyuarat dan bermuafakat pada memerintah sesebuah Negara, iaitu adakah orang-orang Islam itu menjadi "kafir" ataupun "tidak kafir"?

FATWANYA

Alhamdulillah, Wassolatu Wassalam Ala Rasullullah, Wa Ala Alihi Wa ashabihi Waman Walah

Bahawasanya kemudian daripada menyelidik, menyemak dan mengkaji akan nas-nas yang berkenaan setakat yang dijumpai dari kandungan kitab-kitab Tafsir dan lainnya yang muktabar adalah hukum atau fatwa dalam masalah

atau pertanyaan yang tersebut di atas itu bagaimana di bawah ini :-

"Tidak jadi kafir, jikalau orang-orang Islam berikat dengan orang-orang kafir seperti yang tersebut di dalam pertanyaan itu sekiranya tidak beserta dengan rasa rela atau setuju (redha) dengan kekafirannya. Sebaliknya jikalau berserta dengan rasa rela atau setuju (redha) dengan kekafirannya maka jadi kafir, tetapi bagaimana pun adalah haram kecuali ketika terpaksa yang tak dapat dielakkan (dharurat)".

CATITAN

(1) Bersetuju juga dicatitkan sebagai keputusan, bahawa nas-nas yang termaktub di dalam Tafsir Sowi itu sama sahaja maksud dan tujuannya dengan nas-nas yang didapati di dalam lain-lain kitab tafsir seperti Iklil, Khazan dan sebagainya.

(2) Fatwa bagaimana yang ditetapkan di atas ini adalah dengan semata-mata memandang kepada nas-nas yang didapati dari kandungan berbagi-bagai kitab tafsir dan lainnya yang muktabar tanpa menoleh kepada lain-lain sudut, yakni sewaktu menyemak dan mengkaji nas- nas itu tidaklah menujukan pandagan kearah mana-mana negara, samaada pada segi masyarakat penduduk-penduduk, undang-undang perlembagaan atau keadaan siasah Negara itu atau sebagiannya.

[Fatwa ini dikeluarkan menurut kuasa dibawah bab 42 [2] daripada undang-undang Negeri Kelantan nombor 1 tahun 1953, bagi pihak dan dengan nama Majlis, pada 3.9.1963]

FATWA 4

Tarikh Keputusan	**:**	**02hb Disember 1971**
Tarikh Diwartakan	**:**	**28hb September 1972**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**(SUK.(KN) 335/50/111/(121) (M.U.I.176/70/(7).)**
	:	**Jil 25. Bil. 20. Kn. P.U.41.**

Kategori : Akidah

Soalan: Fatwa Mengenai Ajaran Salah Di Dalam "Kitab Kashful Asrar" Cetakan Yang Ke Dua Puluh

Enakmen Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966 (No 2. Tahun 1966) Perisytiharan di bawah Seksyen 15

Pada menjalankan Kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 dalam Enakmen Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1966, maka Majlis dengan ini mengisytiharkan bahawa kitab yang bernama "Kashful Asrar" terjemahan Al-Shaikh Mohd. Salleh Bin Abdullah Mengkabui, Cetakan yang kedua puluh, dicetak dan di terbitkan oleh Al-Matba'at Al- Ahmadiah, 101 Jalan Sultan, Singapura. Dan yang sama dengannya itu adalah kitab yang mengandungi ajaran-ajaran dan perkara-perkara yang berlawanan dengan hukum syarak dan ajaran Ugama Islam, dan oleh itu adalah di tegahkan.

FATWA 5

Bertarikh Pada	**:**	**05hb Jun 1986**
Tarikh Diwartakan	**:**	**03hb Julai 1986**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**[MUI. (Kn.) 43/78/Bhg. 2.]**
	:	**Jil 39. No. 255**

Kategori : Akidah

Soalan: Fatwa Mengenai Ajaran Salah (Haji Ahmad Laksamana, Hasan Bin Yaacub Dan Mohamad Nor Bin Seman)

Undang-Undang Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966 (Enakmen Bil: 2 Tahun 1966) Pemberitahu Di Bawah Seksyen 14(3)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14 (3) Undang-Undang Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966, Majlis menerusi Jumaah Ulama' menetapkan Fatwa sebagaimana berikut:

(a) Setelah mengkaji isu buku "Tajalli" dan "Hakikat Insan" karangan Haji Ahmad Laksamana, pita rakaman ceramah atau pengajaran serta lain-lain butir-butir upacara keugamaan yang mempunyai hubungan rapat dengannya, maka didapati jelas bertentangan dengan dasar akidah dan hukum-hukum Islam kerana mengandungi kata-kata syirik, sesat, khurafat, kata-kata carut dan mereka-reka perkara yang bukan dari ajaran sebenar Ugama Islam, dengan yang demikian Jumaah Ulama' bersetuju memfatwakan bahawa Haji Ahmad Laksamana Bin Omar menganuti dan menyebar ajaran salah.

(b) Setelah mengkaji teks daripada pita rakaman percakapan seseorang yang digelar Hassan Anak Rimau atau Hassan Bin Yaakub dengan Pegawai Penguasa Penjara yang mengandungi butir-butir ajaran dan akidahnya dan didapati menyentuh ketuhanan Allah, Kerasulan Nabi Muhammad SAW dan kesucian Al-Quranulkarim, maka dengan itu

bersetuju memfatwakan bahawa ajarannya adalah menyeleweng yang boleh membawa kepada kufur. Jumaah Ulama' juga kuat berpendapat bahawa Hassan Anak Rimau adalah seorang penganut dan penyebar ajaran salah. Jumaah Ulama' yang telah menghalusi amalan zikir Hassan Anak Rimau dan didapati ianya ada hubungan rapat dengan konsep ajaran dan akidahnya, maka dengan ini memfatwakan bahawa amalan zikir berkenaan adalah salah.

(c) Setelah mengkaji isi Ajaran Muhammad Nor Bin Seman yang dikenali dengan gelaran Mat Nor Kua Supa, Machang, Kelantan, berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak Majlis, maka Jumaah Ulama' memfatwakan bahawa ajaran dan akidahnya itu berlawanan dengan dasar akidah serta ajaran sebenar Ugama Islam, memandangkan amalan zikirnya mempunyai kaitan rapat dengan konsep ajarannya maka amalan tersebut juga adalah salah.

Fatwa-fatwa tersebut hendaklah tertakluk kepada semua orang Islam yang tinggal di dalam Negeri selain daripada orang-orang Islam yang bukan Bangsa Melayu yang tertakluk kepada undang-undang diri selain daripada yang terdapat di Kelantan.

FATWA 6

Bertarikh Pada	**:**	**05hb Jun 1986**
Tarikh Diwartakan	**:**	**03hb Julai 1986**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**[MUI. (Kn.) 43/78/Bhg. 2.]**
	:	**Jil 39.No. 256**

Kategori : Aqidah

Soalan: Fatwa Mengenai Bahan Penerbitan Yang Dilarang (Haji Ahmad Laksamana Bin Omar)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Undang- Undang Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966, Majlis mengisytiharkan perkara-perkara yang diperihalkan dalam jadual sebagai penerbitan yang dilarang kerana mempunyai perkara-perkara yang bertentangan dengan Hukum Syarak atau ajaran Ugama Islam atau mana-mana Fatwa yang diluluskan oleh Undang-Undang.

JADUAL

BIL	TAJUK PENERBITAN	PENGARANG	PENERBIT	BAHASA MELAYU
1	Hakikat Insan	Haji Ahmad Laksamana bin Omar	Tiada	Melayu
2	Tajalli	Haji Ahmad Laksamana bin Omar	Tiada	Melayu

JADUAL

BIL	TAJUK PITA RAKAMAN	PENYAMPAI
1	Huraian Alam 1,2,3…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
2	Demi Masa 1,2,3…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
3	Allah dan Taghut 2…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
4	Hakikat Solah…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
5	Kewujudan Roh 1, 2…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
6	Imam Pokok Perjuangan…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
7	Ucapan Tajalli 1…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
8	Lafaz Syahadah dan Bacaan Dalam Solah (Cara-cara lafaz syahadah dan bacaan di dalam solah)…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
9	Sabar Dalam Makrifat…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
10	Zikir Lahuna (Lidah)…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
11	Delima Pengajian Tasauf…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
12	Imam, Alam, Cabaran…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
13	Manusia Tidak Dijadikan…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
14	Hakikat Syahadah 1…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
15	Modal Hidup…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
16	Inna Lilllahi Wainna Illahi Raji'un 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
17	Syahadah Dalam Alam Tujuh…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
18	Hakikat Musibah 1…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
19	Martabat Tujuh 1,2…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar

20	Jalan Kawalian 1,2,3…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
21	Hakikat Air Sembahyang 1,2…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
22	Hakikat Sembahyang 4,3…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
23	Hakikat Puasa	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
24	Hakikat Muhammad…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
25	Martabat Nafsu 1,2…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
26	Islam, Imam, Tauhid, Makrifat 1,2,5…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
27	Jalan Sakaratilmaut 1, 2…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
28	Junub dan Kesucian…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
29	Hakikat Al-Quran 2, 3…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar
30	Zikir Nafas 1,2,3,4…	Haji Ahmad Laksamana Bin Omar

FATWA 7

Tarikh Keputusan	**:**	**01hb Julai 1986**
Tarik Diwartakan	**:**	**31 hb Julai 1986**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**(D (Sulit) 231/30)**
	:	**Jil. 39 (16) No. 283**

Kategori : Akidah

Soalan: Penerbitan Yang Ditegah Kerana Bertentangan Dengan Hukum Syarak

UNDANG - UNDANG MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN 1966 (Enakmen Bil .2 Tahun 1966) PEMBERITAHUAN DIBAWAH SEKSYEN 15.

Pada menjalankan kuasa–kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966, Majlis mengisytiharkan perkara-perkara yang diperihalkan dalam jadual sebagai penerbitan yang ditegah kerana mempunyai perkara-perkara yang bertentangan dengan Hukum Syarak atau ajaran Ugama Islam atau mana-mana fatwa yang diluluskan oleh Undang-Undang.

JADUAL

TAJUK PENERBIT	PENGARANG	PENERBIT	BAHASA
Hadis Satu Penilaian Semula	Kassim Ahmad	Media Intelek Sdn. Bhd. Wisma FAM, Peti Surat 6640, 47308 Petaling Jaya, Selangor	Melayu

FATWA 8

Tarikh Keputusan	**:**	**01hb Februari 1996**
Tarikh Diwartakan	**:**	**06hb Jun 1996**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**(MUI. D231/707/ (39);**
	:	**Jil 49. No. 405 (P.U. Kn. 1/G.)**
Kategori	**:**	**Akidah**

Soalan: Fatwa Tentang Ajaran Awang Teh Bin Kamal (Pak Teh Selamat)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan seksyen 39 Enekmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 08 Rabiulawal 1415H bersamaan 05 Ogos 1995 dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan membuat Fatwa yang berikut:

(1) Ajaran Awang Teh Selamat bin Kamal atau dikenali dengan nama Pak Teh Selamat sebagaimana butir- butir berikut :

(i) Ayat Al-Quran dibuat sendiri oleh orang, bukan datangnya dari Allah;

(ii) Sebenar-benarnya haji ialah taat kepada Islam. Pergi ke Mekah itu jadi Tok Haji tipu kerana hendak bermegah-megah dengan wang ringgit semata-mata;

(iii) Puasa bulan ramadhan ialah fikir, tak payah berlapar, bahkan haram berlapar dan kalau puasa berlapar bererti engkar;

(iv) Zakat ialah bersyarah, yakni beritahu kepada orang, bukan dengan cara mengeluarkan padi beras dan pitis emas (wang ringgit);

(v) Sembahyang tunduk bangun itu haram, kerana sembahyang kepada makhluk dan menduakan "Allah, Muhammad";

(vi) Awang Teh Bin Kamal iaitu guru ajaran itu mengaku dia adalah Rasulullah; Adalah sesat serta menyesatkan kerana berlawanan dengan ajaran Islam.

(2) Mana-mana orang atau kumpulan yang mengambil atau menyebar atau melakukan upacara-upacara yang sama dengan ajaran yang di bawa oleh Awang Teh Bin Kamal (Pak Teh Selamat) sebagai sesat serta menyesatkan.

(3) Umat Islam hendaklah mengelakkan diri dari menganuti, menyebar atau beramal dengannya.

FATWA 9

Tarikh Keputusan	**:**	**01hb Februari 1996**
Tarikh Diwartakan	**:**	**06hb Jun 1996**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**(MUI. D231/707/ (39);**
	:	**Jil 49. No. 404 .(P.U. Kn. 1/G.)**
Kategori	**:**	**Akidah**

Soalan: Fatwa Tentang Kumpulan Anti Hadis

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan seksyen 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 02 Rejab 1416H bersamaan 25 November 1995 dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan membuat Fatwa yang berikut:

A) Bahawa :-

(i) Buku yang bertajuk "Hadith Satu Penilaian Semula" dan "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik" yang ditulis oleh Kasim Ahmad dan isi kandungannya;

(ii) Buku yang bertajuk "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran" yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman dan isi kandungannya;

(iii) Buku yang bertajuk "Bacaan" yang ditulis oleh Othman Ali dan isi kandungannya;

(iv) Buku yang bertajuk "The Computer Speaks-God's Message To The World" yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa dan isi kandungannya;

(v) Risalah "Iqra'" terbitan Jemaah Al-Quran Malaysia dan isi kandungannya; dan

(vi) Apa-apa terjemahan buku atau risalah yang disebut dalam butiran (i) hingga (v) dan isi kandungannya dalam mana-mana bahasa.

Adalah mengandungi ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan Syariah Islamiah serta mengelirukan masyarakat Islam dan membawa kepada murtad, oleh itu adalah diharamkan.

B) Bahawa mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang kepada ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) adalah sesat kerana ia bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam.

C) Bahawa pengharaman ini meliputi –

(i) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang merangkumi kesemua tujuannya atau salah satu daripada tujuannya iaitu pencapaian pengajaran kebatinan, perlindungan kebatinan atau kewujudan kebatinan iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah atau kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(ii) Apa-apa bahan publisiti termasuk mana-mana terbitan, ertinya apa-apa bahan termasuklah suatu gambar, gambarfoto, logo, poster, rajah, surat edaran, gelansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain yang bertujuan memberi publisiti kepada terbitan

tersebut yang berkaitan dengan ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) ; dan

(iii) Apa-apa terbitan, ertinya apa-apa buku, majalah, pamplet, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya, dan termasuklah apa-apa filem iaitu wayang gambar, pita rakaman atau rekod walau bagaimanapun ia dibuat, daripada suatu imej, berdasarkan penglihatan, yang merupakan rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat yang menayangkan rangkaian itu sebagai gambar bergerak; rakaman audio iaitu apa-apa bahan termasuk piring hitam, fotografi, pita rakaman, cakera laser dan cakera padat yang dirakamkan rakaman suara manusia untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A).

Oleh itu orang Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A), menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran dan aktiviti lain yang bertujuan menghidupkan dan mengembangkan ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang di sebut dalam subperenggan (A).

Orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan apa-apa bentuk lambang, rajah atau tanda yang boleh mengaitkan kepada ajaran, pegangan atau fahaman di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan.

FATWA 10

Tarikh Keputusan	**:**	**26hb Ogos 1996**
Bertarikh Pada	**:**	**22hb September 1996**
Tarikh Diwartakan	**:**	**02hb Januari 1997**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**(MAIK. D231/707/(52).)**
	:	**Jil. 50- No. 1**
Kategori	**:**	**Akidah**

Soalan: Fatwa Mengenai Ajaran Syiah

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 dan seksyen 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, menerusi Jemaah Ulama' yang bersidang pada 8 Muharram 1417H bersamaan 26 Ogos 1996 dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan membuat Fatwa seperti berikut:

(1) Bersetuju dengan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan supaya keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 September 1984 [Kertas Bil.2/8/84, perkara 4.2(2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan yang berikut:

"Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah dari golongan al-Zaidiah dan Ja'fariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia".

Dimansuhkan.

(2) Menetapkan bahawa umat Islam di Kelantan hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli al-Sunnah Wal al-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Ini adalah kerana ajaran Syiah jelas menyeleweng dari segi akidah, syariah dan akhlak sebagaimana contoh-contoh berikut:

I. Penyelewengan akidah.

(a) Muhamad bin Ya'akob Al-kalini meriwayatkan dalam Usul Kaafi dari Abi Abdullah kata beliau, "Sesungguhnya dunia dan akhirat adalah kepunyaan Imam. Dia boleh meletakkannya di mana dikehendakinya dan memberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya. Ini adalah satu kebenaran dari pihak Allah kepadanya (Al Kafi, Jilid1, halaman 409). Bab dunia ini semuanya kepunyaan Imam, sedangkan Allah berfirman di dalam Al Quran:

إِنَّ ٱلْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ

(الأعراف، اية : 128)

Yang bermaksud: "*Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah diberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya dari kalangan hamba-hambanya".* Allah SWT berfirman lagi:

لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ

(الحديد، اية : 2)

Yang bermaksud: *"KepunyaanNyalah kerajaan langit dan bumi"*.

(b) Imam adalah pangkat tertinggi bahkan menjadi salah satu rukun iman;

(c) Imam adalah maksum, tidak melakukan sebarang dosa, baik dosa kecil atau dosa besar;

(d) Imam masih mendapat wahyu dari Tuhan dan mewarisi pangkat Nabi;

(e) Mempertikaikan kesempurnaan al-Quran;

II. Penyelewengan Syariah

(a) Golongan Syiah juga tidak memandang berat terhadap Sembahyang, Zakat dan Haji kerana mereka ada meriwayatkan daripada Jaafar Al-Sadiq bahawa beliau berkata "Sesungguhnya Allah menghindarkan azab dan kebinasaan daripada orang yang tidak bersembahyang dari kalangan kita dengan orang yang tidak bersembahyang daripada Syiah kita. Dan sesungguhnya Allah menghindarkan (azab dan seksaan) daripada Syiah yang tidak mengeluarkan zakat dengan Syiah kita mengeluarkan zakat, dan sesungguhnya Allah menolak azab dan seksaan daripada syiah kita yang tidak mengerjakannya". (Tafsir al-Qummi, jilid satu halaman 83,84, Tafsir al-Iyaasyi, Jilid 1, halaman 135). Mereka tidak memandang berat terhadap sembahyang, zakat dan haji dengan adanya segolongan daripada orang yang mengerjakan sembahyang dan menunaikan haji dianggap sudah mencukupi.

(b) Menghalalkan perkahwinan mutaah. Untuk menggalakkan amalan tersebut, golongan Syiah mereka hadith-hadith palsu yang disandarkan kepada Imam dua belas mereka. Antara hadis tersebut, Rasulullah S.A.W bersabda: "Barang siapa keluar dari dunia ini dalam keadaan tidak pernah melakukan kahwin mutaah dia akan datang pada Hari Akhirat dalam keadaan rompong" . Dalam kitab Tahzib Al-Ahkam, jilid 7, halaman 254 ada menyebut bahawa kahwin mutaah tidak memerlukan saksi, wali dan perisytiharan.

III. Penyelewengan Akhlak

Golongan Syiah dan orang-orang yang diracuni pemikirannya oleh fahaman Syiah bersifat biadab terhadap nabi-nabi dan rasul-rasul dengan berpegang kepada riwayat daripada al-Majlisi dalam kitabnya Bihar al- Anuar (secara dusta) daripada Nabi Muhammad SAW bahawa nabi berkata kepada Ali: "Wahai Ali, Engkau memiliki apa yang tidak dimiliki olehku. Fatimah isterimu, sedangkan aku tidak mempunyai isteri yang seumpamanya, daripadanya engkau memperolehi dua orang anak lelaki yang mana tidak ada bagiku dua orang anak lelaki seumpamanya. Khadijah pula ibu mertuamu sedangkan aku tidak mempunyai ibu mertua yang penyayang seumpamanya. Aku sendiri bapa mertuamu sedangkan aku sendiri tidak mempunyai bapa mertua yang penyayang seperti bapa mertuanya. Jaafar adalah saudaramu sedangkan aku tidak mempunyai saudara seumpama Jaafar. Fatimah al- Hasyimiah adalah ibumu di mana aku tidak mendapat ibu seumpamanya". (Kitab Bihar al-Anuar, kitab al-Syahadah jilid 5, halaman 511).

Al-Kalini menyebutkan bahawa darjah Imamah adalah lebih tinggi dari darjah kenabian, kerasulan dan khillah Allah. Untuk maksud ini dia (Al-Kalini) telah berdusta atas nama Jaafar Al-Sadiq bahawa beliau berkata sesungguhnya Allah menjadikan Ibrahim sebagai hamba sebelum menjadikannya sebagai Rasul, dan sesungguhnya Allah telah menjadikannya Rasul sebelum menjadikannya Khalil dan sesungguhnya Allah menjadikannya sebagai Khalil sebelum menjadikannya sebagai Imam. (Kitab Al-Hujjah Min al- Kaafi jilid 1, halaman 175).

(3) Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi persekutuan dan negeri – negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan **Ahli Sunnah Wal Jamaah** dari segi akidah, syariah dan akhlak.

(4) Memperakukan pindaan kepada semua undang-undang negeri yang berhubungan dengan hukum syarak bagi menyelaraskan takrif "hukum syarak" atau "undang-undang Islam" seperti berikut:

"Hukum syarak" atau "undang-undang Islam" ertinya undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

(5) Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli al-Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan ahli-ahli al-Sunnah Wal al-Jamaah adalah dilarang.

(6) Menetapkan bahawa semua umat Islam di negeri ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam dan hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli al- Sunnah Wal al-Jamaah sahaja.

(7) Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain yang berkaitan dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli al-Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

FATWA 11

Tarikh Keputusan	**:**	**16hb Mac 1999**
Tarikh Diwartakan	**:**	**22hb Julai 1999**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
Bertarikh Pada	**:**	**01hb Jun 1999**
No. Rujukan	**:**	**[MUI.D. 231/707/(70).]**
	:	**Jil 52. No. 550**

Kategori : Zakat

Soalan : Fatwa Mengenai Zakat Penggajian

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 27 Zulkaedah 1419H bersamaan 16 Mac 1999M dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan membuat Fatwa yang berikut:

(a) Pendapatan gaji yang diperolehi oleh kakitangan kerajaan atau badan-badan berkanun atau syarikat-syarikat atau sebagainya dari institusi-institusi yang menjalankan perniagaan atau perkhidmatan yang mempunyai sistem penggajian yang teratur adalah diwajibkan zakat jika nilai jumlah peruntukan gaji bagi seseorang kakitangan itu sampai nisab yang dikira atas nisab mata wang dan melintasi haul, di mana dia menerima bahagian terakhir daripada peruntukan gaji tahunan;

(b) Permulaan haul zakat gaji dikira pada hari atau bulan seseorang itu dipanggil melaporkan diri untuk memulakan tugas jawatannya kerana hari atau bulan itu dikira sebagai masa permulaan dia berhak menerima bahagian-bahagian peruntukan gaji tahunannya dan kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5% atau 1/40;

(c) Bahawa gaji atau pendapatan yang dikenakan zakat ialah meliputi gaji pokok serta lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja dan tidak termasuk imbuhan berubah;

(d) Zakat dikenakan atas gaji atau pendapatan setelah ditolak perbelanjaan dharuriyat, iaitu keperluan asasi yang paling sederhana untuk diri dan keluarga di bawah tanggungannya menurut Hukum Syarak.

FATWA 12

Tarikh Keputusan	**:**	**23hb September 2001**
Tarikh Diwartakan	**:**	**28hb Mac 2002**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**Jil 55. No 271**

Kategori : Ibadat

Soalan: Fatwa Mengenai Sembahyang Jumaat Di Dalam Penjara Atau Pusat Tahanan

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 5 Rejab 1422H bersamaan 23hb September 2001M dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan membuat Fatwa yang berikut:-

Sembahyang Jumaat di dalam penjara atau pusat tahanan adalah diharuskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

a) Tahap keselamatan untuk mengadakan sembahyang Jumaat tersebut adalah terjamin. Perkara ini bergantung kepada kemampuan pihak berkuasa terbabit.

b) Hendaklah ada bersama Jamaah Jumaat ini seorang Imam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan empat (4) orang pemastautin dari mukim pusat tahanan tersebut.

FATWA 13

Tarikh Keputusan	**:**	**23hb September 2001**
Tarikh Diwartakan	**:**	**28hb Mac 2002**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**Jil 55. No 27**

Kategori : Sosial / Syariah

Soalan: Fatwa Mengenai Masalah Perpecahan Orang Melayu Islam

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 5 Rajab 1422H bersamaan 23hb September 2001M dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al- Sultan membuat Fatwa yang berikut:

Soalan: Penggunaan nama atau yang dikaitkan dengan Islam dalam nama sesuatu pertubuhan boleh mengelirukan orang Islam akan nama Islam dan ajarannya?

Jawapan: Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan malah digalakkan dengan disiplin ilmu, iman dan ihsan. Mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan dan menyeleweng adalah salah dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang- undang yang sedia ada.

Soalan: Penambahan syarat kepada pengiktirafan seseorang sebagai seorang Islam?

Jawapan: Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai seorang Islam jika menepati rukun iman dan rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa rukun dan menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman

sedemikian adalah salah di sisi Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebar dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut, maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebar ajaran salah atau menyeleweng.

Soalan: Dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada pihak tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam itu dilayakkan ke Syurga dan kenyataan bahawa orang-orang tertentu akan ditempatkan di Neraka?

Jawapan: Ketentuan Syurga atau Neraka adalah hak Allah Ta'ala. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang dilayakkan ke Syurga atau ke Neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebar dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut, maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebar ajaran salah dan menyeleweng.

FATWA 14

Tarikh Keputusan	**:**	**18hb Ogos 2002**
Tarikh Diwartakan	**:**	**25hb Februari 2003**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**MAIK.D23./PK/155/Kit.3(3)**

Kategori : Ibadat

Soalan: Penyelarasan Zon Waktu Sembahyang Bagi Negeri Kelantan

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jemaah Ulama' yang bersidang pada 9 Jamadil Al-Thaniah 1423H bersamaan 18hb Ogos 2002M dan atas Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan membuat Fatwa yang berikut:

1. Bahawa kaedah kiraan waktu sembahyang bagi Negeri Kelantan dipinda dari penggunaan satu zon jadual waktu sembahyang kepada dua zon.

2. Stesen rujukan untuk kiraan bagi sesuatu zon hendaklah terletak di bahagian paling barat zon tersebut. Ia adalah seperti berikut:-

   (i) Zon 1 - Stesen rujukan ialah Bandar Rantau Panjang. Ia meliputi Bandar Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Pasir Mas, Tanah Merah, Tumpat, Machang, Kuala Krai, Rantau Panjang dan Daerah Chiku, Gua Musang.

   (ii) Zon 2 - Stesen rujukan ialah Pekan Pos Dakoh. Ia meliputi Bandar Jeli, Pos Dakoh serta Daerah Galas dan Bertam, Gua Musang.

   (iii) Bandar Jeli tidak akan digunakan sebagai stesen rujukan berikutan penyelarasan zon waktu sembahyang bagi Negeri Kelantan.

FATWA 15

Tarikh Keputusan	**:**	**04hb Julai 2004**
Tarikh Diwartakan	**:**	**28hb April 2005**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No Rujukan	**:**	**MAIK. D.231/PK/155/Kulit 3 Bil.(8)**
	:	**Jil. 58 No. 410**

Kategori : Akidah

Soalan: Fatwa mengenai pengharaman ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holding Sdn. Bhd.)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bil 4 Tahun 1994, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jemaah Ulama' yang bersidang pada 16 Jamadil Awal 1425H bersamaan 04hb Julai 2004M dan atas Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan membuat Fatwa yang berikut:-

1. Ajaran Azhar bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar, dan

2. Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamalkan ajaran Azhar bin Wahab dianggap menyalahi hukum syara' dan wajib bertaubat.

FATWA 16

Tarikh keputusan	**:**	**15hb Januari 2006**
Tarikh Diwartakan	**:**	**20hb Julai 2006**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**No.15 (Kn.P.U. 20)**
Kategori	**:**	**Sosial / Syariah**

Soalan: Fatwa Mengenai Pewakafan Tanah Di Lot 290 Dan 291 Seksyen A Bandar Kota Bharu Oleh Dato' Wan Hasan Bin Abdul Halim Melalui P.A. (Surat Wakil Kuasa) Oleh Nik Rahmat Bin Wan Hassan

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jemaah Ulama' yang bersidang pada 15 Zulhijjah 1426H bersamaan 15 Januari 2006 dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan membuat Fatwa yang berikut:

Bahawa seseorang bapa harus dan masih ada hak untuk menarik balik sebarang harta yang dihibahkan kepada anaknya sama ada melalui lafaz atau perbuatan selagi harta tersebut masih berada di bawah milik mutlak anaknya dan harta tersebut masih belum hilang dari kuasa anaknya.

Adapun P.A (surat wakil kuasa) yang diberikan oleh Nik Rahmat Bin Wan Hasan (anak) kepada Dato' Wan Hasan Bin Abdul Halim (bapa) tidak menjadi halangan kepada Dato' Wan Hasan Bin Abdul Halim iaitu pemilik asal kepada tanah Lot 290 dan 291, Seksyen 4, Bandar Kota Bharu untuk menarik balik tanah yang dihibahkan kepada anaknya (Nik Rahmat Bin Wan Hassan) secara perbuatan dengan mewakafkan tanah tersebut.

Oleh itu, pewakafan yang dilakukan oleh Dato' Wan Hasan Bin Abdul Halim ke atas tanah di Lot 290 dan 291, Seksyen 4, Bandar Kota Bharu adalah sah di sisi hukum syara'.

FATWA 17

Tarikh Keputusan	**:**	**21hb Disember 2006**
Tarikh Diwartakan	**:**	**05hb Julai 2007**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**Kn. P.U. 18.**
	:	**Jil .60. No 14**

Kategori : Akidah

Soalan: Fatwa mengenai Ajaran Kumpulan Abdullah Bin Mohammad Syarif, Tal Tujuh Pasir Mas

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 30 Zulkaedah 1427H bersamaan 21hb Disember 2006 dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan membuat Fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual:

JADUAL

1. Mesyuarat Jamaah Ulama' Majlis Agama Ialam Dan Adat istiadat Melayu Kelantan telah bersetuju dan memutuskan bahawa ajaran Kumpulan Abdullah bin Mohammad Syarif Tal Tujuh, Pasir Mas adalah ajaran yang meragukan daripada ajaran Islam. Ciri-ciri ajaran yang meragukan dalam ajaran tersebut adalah dari segi:-

    a) Aspek Akidah-

        (i) Abdullah bin Mohammad Syarif mengaku dan mendakwa mendapat "Ilmu Laduni" iaitu ilmu terus daripada Allah SWT;

(ii) Abdullah bin Mohammad Syarif tidak menafikan dakwaan pengikutnya bahawa dia seorang yang mempunyai kasyaf;

(iii) Abdullah bin Mohammad Syarif sentiasa membuat keputusan hanya berdasarkan kepada mimpi-mimpinya. Dia mendakwa boleh menta'birkan segala mimpi dengan tepat.

b) Aspek Syariah-

(i) Mendakwa mengerjakan ibadat haji tidak wajib dan mengamalkan seperti yang ditetapkan dalam Islam sekarang ini adalah tidak sah;

(ii) Pengikut tidak dibenarkan berkahwin selain daripada pengikutnya sahaja. Pengikut-pengikut yang hendak berkahwin mestilah mendapat kebenaran ketuanya (Abdullah) terlebih dahulu;

c) Aspek Umum-

(i) Ibu bapa yang tidak merestui penglibatan anaknya dengan kumpulan ini, akan terputuslah hubungan kekeluargaan antara mereka;

(ii) Ahli-ahli yang keluar daripada kumpulan ini dianggap telah 'murtad rohaniah';

(iii) Setiap arahan pemimpin yang dikeluarkan haruslah dipatuhi. Kegagalan mematuhi setiap arahan dianggap sebagai pengkhianat kepada kumpulannya dan ianya hendaklah diperangi atau dipulaukan;

(iv) Sesiapa menentangnya (Abdullah) halal darahnya dan perlu diperangi;

(v) Penuntut tidak dibenarkan menuntut ilmu dengan guru lain tanpa kebenaran (Abdullah);

(vi) Pengikut Kumpulan ini berkeyakinan suatu hari nanti, kumpulan mereka akan memerintah dunia dan dapat menguasai segala harta kekayaan yang ada;

(vii) Ketuanya (Abdullah) menanam kefahaman kepada pengikut agar mengutamakan cara kehidupan kesufian dan mengabaikan hal- hal keduniaan seperti urusan ekonomi, politik dan sosial. Dunia dianggap perkara yang melalaikan yang menjauhkan seseorang daripada mengingati Allah. Kumpulan ini juga menganggap kehidupan di dunia hari ini penuh dengan kezaliman dan kemaksiatan. Oleh itu mereka perlu mengasingkan diri daripada masyarakat dan membina kehidupan dalam kumpulan mereka sahaja, iaitu hanya menitikberatkan soal-soal keakhiratan semata-mata.

2. Berdasarkan kepada ajaran-ajaran yang meragukan daripada ajaran Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1(a), (b) dan (c) Mesyuarat Jamaah Ulama' Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah membuat fatwa seperti berikut:

Bahawa ajaran kumpulan Abdullah Bin Mohammad Syarif, Tal Tujuh, Pasir Mas adalah ajaran yang meragukan daripada ajaran Islam dan umat Islam hendaklah menjauhi daripada terlibat dengan ajaran tersebut.

FATWA 18

Tarikh Keputusan	**:**	**21hb Disember 2006**
Tarikh Diwartakan	**:**	**05hb Julai 2007**
Status Penwartaan	**:**	**Warta**
No. Rujukan	**:**	**Kn. P.U. 19**
	:	**Jil. 60. No 14**
Kategori	**:**	**Akidah**

Soalan: Fatwa Pengharaman Ajaran, Pegangan Dan Fahaman Yang Dibawa Dan Dipegang Oleh Ahli Jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd (SRC) Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 30 Zulkaedah 1427H bersamaan 21 Disember 2006 dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan membuat Fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual:-

1. Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah bersetuju dan memutuskan bahawa ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh Haji Ashaari Bin Muhammad dan pengikutnya termasuklah orang yang terlibat secara langsung dalam Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam. Ciri-ciri penyelewengan tersebut adalah bercanggah dari segi :

   a) Aqidah Ahli Sunnah Wal – Jamaah kerana mempercayai bahawa:-

(i) Haji Ashaari bin Muhammad adalah Sahibul Zaman (Mujaddid) manakala Syeikh Muhammad Al-Suhaimi pula sebagai Imam Mahdi;

(ii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan;

(iii) Haji Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu secara langsung daripada Syeikh Muhammad Al-Suhaimi dan Rasulullah SAW;

(iv) Haji Ashaari bin Muhammad sebagai Mujaddid atau Sahibul Zaman mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu ladduni atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan bina insan dan lain-lain;

(v) Sesiapa yang banyak menghayati minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya;

(vi) Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) itu sebenarnya adalah wahyu dari Tuhan yang merupakan 1/46 daripada wahyu kenabian;

(vii) Allah SWT hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar Haji Ashaari bin Muhammad sebagai Sahibul Zaman dan Syeikh Muhammad Al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi;

(viii) Minda Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) difahami sebagai intisari Quran dan Hadith dan Abuya adalah orang Tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan;

(ix) Perjuangan Haji Ashaari bin Muhammad dan pengikutnya dibantu dan dilindungi oleh para Rijal Ghaib yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh muqaddas (roh suci para ahli jamaah yang telah meninggal dunia);

(x) Pengikut Haji Ashaari bin Muhammad ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan akan mendapat bantuan melalui jin Islam atau dengan karamah Haji Ashaari bin Muhammad;

(xi) Menjalinkan hubungan dengan Haji Ashaari bin Muhammad adalah lebih hebat daripada menjalinkan hubungan sekalipun dengan 10 orang ibu kerana hubungan dengan Haji Ashaari bin Muhammad kekal sehingga ke akhirat sedangkan hubungan dengan ibu bapa terbatas di dunia sahaja;

(xii) Allah SWT akan memberitahu Haji Ashaari bin Muhammad tentang musibah sakit yang dialami oleh pengikutnya dan Haji Ashaari bin Muhammad boleh meminta agar Allah SWT meringankan beban derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh pengikutnya;

(xiii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan untuk menangguhkan ajal jika pengikutnya yang sampai ajal itu masih banyak dosa;

(xiv) Haji Ashaari bin Muhammad boleh meminta Allah SWT menggantikan ajal kepada pengikut lain yang telah sempurna iman dan taqwa;

(xv) Sewaktu pengikut Haji Ashaari bin Muhammad sedang nazak, Haji Ashaari bin Muhammad akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala pengikutnya itu sambil mengajarkan talkin supaya syaitan tidak akan menyesatkan pengikutnya;

(xvi) Haji Ashaari bin Muhammad akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak pengikutnya di alam kubur bagi melepaskan pengikutnya daripada seksaan kubur; atau

(xvii) Haji Ashaari bin Muhammad akan menunggu-nunggu untuk memberikan syafaat kepada pengikutnya di padang mahsyar.

b) Syariah Islamiah kerana mempercayai bahawa:-

(i) Ibadah sembahyang jumaat adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi;

(ii) Haji Ashaari bin Muhammad sebagai Sahibul Zaman tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah SWT dalam bentuk ilham;

(iii) Pengikut yang berjuang mengikut minda Abuya (Haji Ashaari Bin Muhammad) adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mengikut minda Abuya dalam perjuangannya;

(iv) Seorang ahli ibadah (A'bid) hanya mampu menjadi hamba biasa dan tidak boleh menjadi khalifah kerana tidak mempunyai minda setaraf dengan wahyu sebagaimana wahyu Haji Ashaari bin Muhammad;

(v) Quran yang ada sekarang hanya tinggal mashaf dan lafaz sahaja kerana roh Quran telah ditarik balik oleh tuhan dan hanya diberikan kepada mujaddid (Haji Ashaari bin Muhammad);

(vi) Sembahyang sehari semalaman hanya tiga waktu sahaja iaitu subuh, sembahyang jamak zohor dan asar serta jamak Maghrib dan Isyak;

(vii) Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadat haji;

(viii) Duduk semajlis dengan Abuya (Haji Ashaari bin Muhammad) pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan selama 40 tahun atau sembahyang tahajjud sepanjang hayat;

(ix) Pengikut yang beramal dengan Aurad Muhammadiah ahli jemaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Haji Ashaari bin Muhammad;

(x) Amalan Aurad Muhammadiah oleh pengikut Haji Ashaari bin Muhammad akan terbatal jika pengikut itu melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Haji Ashaari bin Muhammad; atau

(xi) Amalan Aurad Muhammadiah adalah zikir agung.

c) Akhlak dan etika bermasyarakat kerana mempercayai bahawa:

(i) Ulama' yang ada sekarang adalah ulama' kitab atau ulama' hafalan untuk mengajar. Sebaliknya Haji Ashaari bin Muhammad sebagai Sahibul Zaman mendapat ilmu terus dari Tuhan;

(ii) Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Ph.D tidak bermanfaat kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman;

(iii) Ilmu ulama' sekarang tidak setanding dengan ilmu orang Tuhan iaitu Haji Ashaari bin Muhammad; atau

(iv) Allah SWT melarang ulama' yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujaddid yang berwatak Rasul.

3. Berdasarkan kepada penyelewengan tersebut, Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah membuat fatwa seperti berikut:

(a) ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh Haji Ashaari bin Muhammad, pengikutnya dan termasuk individu yang terlibat secara langsung dalam Syarikat Rufaqa Corporation dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam;

(b) mana-mana orang hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1(a), (b) dan (c);

(c) mana-mana orang tidak boleh menyebar, mengedar atau menerbitkan apa-apa buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya dan termasuklah apa-apa filem atau rakaman audio, khidmat pesanan ringkas dan e-mel yang berkaitan dengan ajaran, pegangan dan fahaman 1(a), (b) dan (c); dan

(d) mana-mana orang yang berpegang kepada ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggang 1(a), (b) dan (c) hendaklah bertaubat.